



---

# **GARIS PANDUAN**

# **PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN**

## **(SUBKEPAKARAN)**

---

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



DIKEMASKINI 01 JANUARI 2021

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>1.0 TUJUAN</b>	<b>2</b>
<b>2.0 PUNCA KUASA</b>	<b>2</b>
<b>3.0 TAFSIRAN</b>	<b>4</b>
<b>4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN</b>	<b>7</b>
<b>5.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN</b>	<b>10</b>
<b>6.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN KHAS BAGI PERMOHONAN BIDANG SUBKEPAKARAN PERUBATAN KELUARGA</b>	<b>11</b>
<b>7.0 KAE DAH PELAKSANAAN LATIHAN</b>	<b>12</b>
<b>8.0 PERJALANAN PROGRAM LATIHAN</b>	<b>13</b>
<b>9.0 ELAUN DAN KEMUDAHAN HLP</b>	<b>21</b>
<b>10.0 TUNTUTAN DAN BAYARAN</b>	<b>22</b>
<b>11.0 URUSAN PEMBAYARAN CBBP DENGAN HLP</b>	<b>23</b>
<b>12.0 IKATAN PERJANJIAN</b>	<b>23</b>
<b>13.0 PENALTI</b>	<b>26</b>
<b>14.0 GAJI DAN EMOLUMEN</b>	<b>27</b>
<b>15.0 PENERIMAAN GAJI, BAYARAN DAN LAIN-LAIN ELAUN</b>	<b>28</b>
<b>16.0 KELAYAKAN CUTI</b>	<b>29</b>
<b>17.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI</b>	<b>29</b>
<b>18.0 PENILAIAN PRESTASI</b>	<b>33</b>
<b>19.0 HAK KERAJAAN</b>	<b>33</b>
<b>20.0 SEKRETARIAT PROGRAM</b>	<b>34</b>
<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	

## **GARIS PANDUAN LATIHAN PROGRAM SUBKEPAKARAN**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

---

#### **1.0 TUJUAN**

1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar pelaksanaan Latihan Program Subkepakaran kepada pegawai-pegawai Perubatan Pakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi cuti belajar dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk mengikuti latihan Program Subkepakaran.

#### **2.0 PUNCA KUASA**

2.1 Pada 22 Julai 2008, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberikan penurunan kuasa meluluskan Cuti Belajar dan Pengurusan Biasiswa bagi semua pegawai dan kakitangan KKM kecuali pegawai dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama dan Kader berkuatkuasa 15 Julai 2008 dengan mematuhi sepenuhnya dasar-dasar, syarat-syarat dan peraturan sedia ada.

2.2 Mulai 30 Mei 2018, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberikan penurunan kuasa sepenuhnya kepada KKM bagi urusan Cuti Belajar bagi Program-program Kepakaran sebagai suatu usaha ke arah penambahbaikan dengan mengambil kira fungsi serta penyampaian KKM dan keperluan berkaitan Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Kesihatan. Sebarang

ketetapan dan pindaan syarat yang dilaksanakan demi kepentingan Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan dan penyampaian perkhidmatan KKM boleh dibuat diperingkat KKM sahaja dan dimaklumkan kepada JPA.

2.3 Mulai 30 Januari 2020, penurunan kuasa adalah dibuat berpandukan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1985, bertajuk perwakilan kuasa dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian yang dikeluarkan pada 5 Oktober 1985. Pihak JPA melalui surat bertarikh 22 Julai 2008 telah memberi penurunan kuasa kepada KKM untuk meluluskan Cuti Belajar dan Pengurusan Biasiswa walau bagaimanapun perlu menggunapakai dan mematuhi sepenuhnya dasar-dasar, syarat-syarat dan peraturan sedia ada.

Pihak JPA memutuskan untuk memanjangkan penurunan kuasa sepenuhnya untuk kelulusan Cuti Belajar dan Pengurusan Biasiswa bagi **Program Kepakaran Skim Pegawai Perubatan** melalui surat bertarikh 30 Mei 2018, pihak JPA juga memutuskan untuk memanjangkan penurunan kuasa sepenuhnya untuk kelulusan cuti belajar dan pengurusan biasiswa bagi **Program Kepakaran Skim Perkhidmatan Pegawai Pergigian**. Sehubungan dengan itu, sebarang **ketetapan dan pindaan syarat** yang dilaksanakan demi kepentingan Skim Pegawai Pergigian boleh **dibuat diperingkat KKM** saja dan **dimaklumkan kepada JPA**.

Bagi kelulusan Cuti Belajar dan pengurusan biasiswa bagi **Kumpulan Pengurusan dan Profesional Skim Bukan Gunasama**, pihak JPA memutuskan surat penurunan kuasa kelulusan Cuti Belajar dan pengurusan biasiswa kepada KKM rujukan JPA (L)S.180/27/1-42 (8) bertarikh 22 Julai 2008 adalah terpakai. **Pelaksanaan penurunan kuasa tersebut perlu diguna pakai dan mematuhi sepenuhnya setiap dasar, syarat dan peraturan sedia ada di JPA.**

2.4 Selaras dengan keputusan ini, pengurusan Latihan Program Subkepakaran dan Hadiah Latihan Persekutuan akan dikendalikan sepenuhnya oleh KKM bermula dari tarikh tersebut. Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai ketetapan dan rujukan dalaman KKM dalam menguruskan pemberian cuti belajar dan HLP kepada pegawai-pegawai Perubatan Pakar yang ingin mengikuti Latihan Program Subkepakaran.

### **3.0 TAFSIRAN**

3.1 Bagi tujuan Garis Panduan ini;

(i) **Biasiswa**

Bermakna kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;

(ii) **Cuti Belajar** (Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus)

Bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

(iii) **Kursus**

Bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali/latihan praktikal, program sangkutan/*internship*;

(iv) **Kursus Jangka Sederhana**

Bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

(v) **Kursus Jangka Panjang**

Bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

(vi) **Cuti Belajar Bergaji Penuh**

Bermakna cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa. Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi;

(vii) **Cuti Belajar Tanpa Gaji**

Bermakna cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa;

(viii) **Separo Biasiswa**

Kemudahan ini diberikan kepada pegawai yang menjalani latihan subkepakaran di dalam negara dan sepanjang tempoh tersebut pegawai adalah dikira sedang berkhidmat.

(ix) **Separo Biasiswa dan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)**

Kemudahan ini diberikan kepada pegawai yang menjalani latihan subkepakaran secara kombinasi (dalam dan luar negara) di mana semasa di dalam negara pegawai akan menerima separo biasiswa dan semasa di luar negara akan menerima CBBP dengan HLP untuk tempoh sembilan (9) bulan pertama manakala tiga (3) bulan seterusnya pegawai hanya akan diberikan CBBP tanpa HLP.

(x) **Subkepakaran**

Bermaksud pegawai perubatan pakar yang menjalani latihan/kursus lanjutan sepenuh masa dalam pelbagai bidang Subkepakaran di dalam negara/luar negara atau secara kombinasi di dalam dan luar negara.

(xi) **Pelatih**

Bermakna pegawai yang sedang mengikuti kursus Program Subkepakaran.

## **4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

4.1 Permohonan Latihan Program Subkepakaran ini adalah berdasarkan penawaran iklan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM pada bulan Jun/Julai setiap tahun di portal KKM ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) atau BPL (latihan.moh.gov.my) melalui laman web [ehlp.moh.gov.my](http://ehlp.moh.gov.my). Permohonan di luar iklan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan ke BPL sebelum tarikh tutup.

Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **LEWAT** tidak akan diproses.

4.3 Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat am seperti berikut:

4.3.1 Merupakan Pegawai Perubatan Pakar lantikan tetap;

4.3.2 Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup permohonan;

4.3.3 Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap dua belas (12) bulan bagi setiap tahun).  
Pengecualian penilaian genap dua belas (12) bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG)

Menjaga Anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;

4.3.4 Bersih daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib dan/atau dakwaan mahkamah;

4.3.5 Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama

4.3.6 Tidak pernah menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia. Pegawai yang menarik diri dari pengajian tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan dan tidak layak

dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh berkhidmat dengan kerajaan;

- 4.3.7 Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek/panjang seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- 4.3.8 Tidak pernah menolak tawaran Latihan Program Subkepakaran yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;

- 4.3.9 Bebas daripada penyakit yang boleh menjaskannya keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam **Lampiran E** selaras dengan Akta Perubatan 1971;

- 4.4 Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat khusus seperti berikut:

- 4.4.1 Telah diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar;
- 4.4.2 Mempunyai kelulusan kepakaran yang diiktiraf seperti Program Sarjana Perubatan daripada university tempatan atau setaraf seperti MRCP, MRCOG dan lain-lain;

- 4.4.3 Mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman 24 bulan daripada tarikh diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar mengikut bidang masing-masing;
- 4.4.4 Surat daripada Pengarah Hospital berkaitan kesesuaian pegawai untuk mengikuti latihan tersebut dari segi pengalaman, sikap dan minat;
- 4.4.5 Merit akan diberikan kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di kawasan pendalamam
- 4.4.6 Pegawai hanya dibenarkan memohon bidang kursus yang ditawarkan melalui iklan tawaran KKM sahaja.

## **5.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN**

- 5.1 Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk mengikuti Latihan Program Subkepakaran ini. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepassi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Institusi tidak akan dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar;
- 5.2 Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengarah Kesihatan Negeri/Hospital/Institusi/Bahagian);
- 5.3 Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program latihan ini;

5.4 Pegawai yang menerima tawaran ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di **Perenggan 12.0 Ikatan Perjanjian**.

5.5 Pelatih tidak dibenarkan untuk mengikuti program latihan selain daripada latihan yang telah ditetapkan di dalam Surat Kelulusan Program Subkepakaran.

## **6.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN SUBKEPAKARAN BAGI BIDANG KESIHATAN AWAM DAN PERUBATAN KELUARGA**

6.1 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

### **A. Calon Program Kesihatan Awam**

- (i) Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Kesihatan Awam serta telah berdaftar dengan National Specialist Registry (NSR);
- (ii) Mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan pengalaman kerja dalam bidang Perubatan Kesihatan Awam selepas pewartaan;
- (iii) Mempunyai minat mendalam dalam bidang yang dipohon.
- (iv) Di beri keutamaan kepada pakar yang sedang menjalankan program berkaitan di peringkat daerah/negeri masing-masing;

### **B. Calon Program Kepakaran Perubatan Keluarga**

- (i) Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Keluarga;

- (ii) Telah berdaftar dengan National Specialist Registry (NSR);
- (iii) Mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman kerja dua puluh empat (24) bulan selepas diwartakan;
- (iv) Diberi keutamaan kepada pakar yang sedang menjalankan program berkaitan di peringkat daerah/negeri masing-masing;
- (v) Mempunyai minat mendalam dalam bidang yang dipohon;

## 7.0 KADEAH PELAKSANAAN LATIHAN

7.1 Latihan Program Subkepakaran ini dilaksanakan menerusi tiga (3) kaedah iaitu:-

**(i) Sepenuhnya Dalam Negara**

Latihan ini dijalankan sepenuhnya di dalam negara sahaja bagi tempoh tiga (3) atau empat (4) tahun di fasiliti KKM yang dikenal pasti mengikut bidang yang ditetapkan.

**(ii) Kombinasi Dalam Dan Luar Negara**

Latihan ini dijalankan di dalam negara terlebih dahulu bagi tempoh dua (2) atau tiga (3) tahun (mengikut sub-bidang) dan satu (1) tahun di luar negara dalam bidang berkaitan;

**(iii) Sepenuhnya Di Luar Negara (*Area of Interest*)**

Latihan ini dijalankan sepenuhnya di luar negara sahaja bagi tempoh satu (1) tahun di institusi dalam bidang berkaitan.

## **8.0 PERJALANAN PROGRAM LATIHAN**

8.1 Bagi latihan di dalam negara, pelatih akan mengikuti latihan di dalam negara berdasarkan Pelan Latihan yang disediakan. Pelatih tidak dibenarkan keluar negara tanpa mengikuti latihan di dalam negara terlebih dahulu (bagi latihan Sepenuhnya Dalam Negara dan Kombinasi Dalam dan Luar Negara).

### **8.2 Latihan Dalam Negara**

#### **8.2.1 Sebelum Memulakan Latihan**

- a. Pelatih dikehendaki mengemukakan dokumen yang lengkap seperti di senarai semak (**Lampiran 1**) sebelum memulakan latihan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh taklimat. Pelatih yang gagal mengemukakan dokumen yang lengkap dianggap menolak tawaran;
- b. Pelatih dikehendaki mengemukakan **Borang Pengesahan Kehadiran (Lampiran 2)** yang telah disahkan oleh penyelia ke BPL dalam **tempoh 5 hari daripada tarikh lapor diri**;
- c. Pelatih juga perlu mengemukakan **Borang Pengesahan Tamat Latihan (Lampiran 3)** setelah selesai menjalani latihan di setiap penempatan yang ditetapkan dan disahkan oleh penyelia lapangan ke BPL dalam **tempoh 5 hari daripada tarikh tamat latihan**;
- d. Pelatih dikehendaki memulakan program ini mengikut **tarikh yang ditetapkan** oleh BPL selaras dengan surat tawaran, surat kelulusan dan pelan latihan tanpa sebarang penangguhan;

- e. Pelatih yang ditawarkan mengikuti program ini, hendaklah mematuhi tempoh kelulusan yang diberikan seperempena surat kelulusan rasmi yang dikeluarkan oleh BPL, KKM samada 12 bulan (*Area of Interest*), 36 bulan atau 48 bulan sahaja;
- f. Pelatih yang mendapat tajaan Dengan HLP dan Tanpa HLP akan ditempatkan di dalam Jawatan Simpanan Latihan (JSL) sepanjang tempoh mengikuti program ini. Tarikh kuatkuasa penempatan di JSL adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penempatan JSL. Dalam tempoh penempatan di JSL, urusan-urusan perkhidmatan pegawai diuruskan sepenuhnya oleh BPL dan pelatih perlu mematuhi Garis Panduan JSL.

### **8.2.2 Semasa Mengikuti Latihan**

- a. Latihan Program Subkepakaran dijalankan sepenuhnya di fasiliti KKM atau Institusi Latihan yang dikenalpasti dan pergerakan pelatih adalah berpandukan kepada Pelan Latihan yang ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP);
- b. Pelatih hendaklah mematuhi Pelan Latihan yang telah ditetapkan oleh BPP dan mengemukakan rangka kursus (*Plan Of Study/Content Of Training*) dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh mula latihan ke BPL.

- c. Pelatih hendaklah mengemukakan borang pengesahan kehadiran dan borang pengesahan tamat menjalani latihan di setiap penempatan yang disahkan oleh penyelia;
- d. Ketua Perkhidmatan bertanggungjawab memaklumkan dengan segera dalam tempoh 14 hari ke BPP dan BPL sekiranya terdapat perubahan kepada Pelan Latihan bagi memastikan ia selari dengan penempatan latihan sebenar pelatih;
- e. Penangguhan Latihan:
  - i. Penangguhan yang dibenarkan adalah **tidak melebihi 12 bulan**. BPL akan hanya mempertimbangkan kelulusan untuk **enam (6) bulan pertama** dan jika ada keperluan, pelatih perlu memohon penangguhan untuk **enam (6) bulan berikutnya**. Pegawai perlu mengemukakan permohonan dan di sokong oleh penyelia dan Ketua Perkhidmatan Bidang bersama dokumen sokongan;
  - ii. Pelatih perlu memohon kepada BPL dengan mengemukakan Borang Permohonan Penangguhan (**Lampiran 4**) selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** sebelum tarikh penangguhan bermula. Permohonan yang lewat **tidak akan diluluskan**. Pegawai perlu mengemukakan borang permohonan yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam tempoh penangguhan pelatih akan ditempatkan di fasiliti KKM.

- iii. Kemudahan Elaun/HLP **akan dihentikan** sepanjang tempoh penangguhan. Walaubagaimanapun kemudahan elaun akan diteruskan setelah pelatih menjalani latihan semula;
- iv. Pelatih hendaklah memaklumkan kepada BPL dan BPP sekiranya ditamatkan/gagal/menarik diri dari pengajian dengan kadar segera.
- v. Mengemukakan P.S.D Form (*Performance*) 6/93 yang telah dinilai oleh penyelia sebelum **15 November** setiap tahun kepada BPL.

#### **8.2.3 Setelah Tamat Latihan**

- a. Pelatih yang telah tamat latihan perlu melapor diri ke BPL dengan kadar segera berdasarkan kepada surat kelulusan yang telah dikeluarkan. Pelatih perlu memaklumkan kepada BPL tiga puluh (30) hari sebelum tamat latihan keseluruhan. Sekiranya pelatih didapati tidak melapor diri, tindakan tatatertib dan perlanggaran kontrak perjanjian akan dikenakan;
- b. Mengemukakan salinan tesis (*softcopy dan hardcopy*) jika ada mengikut syarat-syarat kemudahan HLP;
- c. Mengemukakan surat pengesahan tamat latihan keseluruhan dengan jayanya yang dikeluarkan oleh Ketua Perkhidmatan atau Institusi yang berkaitan.

## 8.3 Latihan Luar Negara

### 8.3.1 Sebelum Memulakan Latihan Ke Luar Negara

- a. Pelatih **bertanggungjawab menguruskan permohonan latihan di Institusi luar negara** dan memaklumkan kepada BPL dalam tempoh sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** sebelum mula menjalani latihan di luar negara (berpandukan Pelan Latihan) dengan mengemukakan:-
  - ✓ Borang permohonan Latihan Ke Luar Negara daripada pelatih (**Lampiran 5**);
  - ✓ Surat tawaran daripada Institusi Latihan (luar negara), modul latihan (*content of training*) termasuk syarat-syarat yang berkaitan;
  - ✓ Kebenaran/pengesahan daripada Ketua Perkhidmatan; terhadap tawaran yang diterima;
  - ✓ Penyata gaji yang terkini;
  - ✓ Kontrak perjanjian Institusi (jika ada) dan;
  - ✓ Menguruskan permohonan visa, passport dan *Medical Council* (jika berkaitan).
- b. Surat pengesahan penajaan (*Financial Affidavit*) hanya akan dikeluarkan oleh BPL kepada pelatih selepas borang permohonan yang lengkap dikemukakan kepada BPL.
- c. Pelatih hanya boleh mengikuti latihan di luar negara setelah surat kelulusan latihan luar negara dikeluarkan oleh BPL.

### **8.3.2 Semasa Mengikuti Latihan di Luar Negara**

- a. Pelatih perlu memastikan latihan di luar negara adalah selaras dengan Pelan Latihan dan surat kelulusan yang dikeluarkan;
- b. Pelatih hendaklah mengemukakan Surat Pengesahan Kehadiran menjalani latihan daripada Institusi dalam tempoh lima (5) hari selepas lapor diri;
- c. Mengemukakan *P.S.D Form (Performance)* 6/93 yang telah dinilai oleh penyelia sebelum **15 November** setiap tahun kepada BPL.
- d. Pelanjutan di Luar negara
  - i. Pelanjutan menjalani latihan di luar negara hanya dipertimbangkan jika pegawai gagal menamatkan latihan dalam bidang yang sama dalam tempoh yang ditetapkan.
  - ii. Pelatih perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat latihan ke BPL dengan mengemukakan (*Lampiran 6*) :-
    - ✓ borang permohonan pelanjutan yang lengkap;
    - ✓ Surat tawaran dan syarat-syarat daripada Institusi luar negara; dan
    - ✓ Rangka kursus (*Plan Of Study/Content Of Training*) serta carta Gantt terkini bagi tempoh pelanjutan yang dipohon.
  - iii. Pelanjutan di luar negara hanya diberikan kemudahan **Cuti Belajar Tanpa Gaji** sahaja (**tidak melebihi 12 bulan**). BPL akan hanya mempertimbangkan kelulusan untuk enam (6)

bulan pertama dan jika ada keperluan, pelatih perlu memohon untuk pelanjutan bagi enam (6) bulan berikutnya.

- iv. Pelanjutan di dalam sub bidang yang lain adalah tidak dibenarkan.
- f. Dasar Penempatan Latihan di Luar Negara
  - i. Tempoh **minimum** untuk mengikuti latihan di luar negara adalah melebihi dari **3 bulan (92 hari)** dan tempoh **maksimum adalah 12 bulan;**
  - ii. Pelatih yang memilih untuk mengikuti latihan di dua (2) negara perlu mengemukakan surat penjelasan atas pemilihan tersebut, justifikasi dan perlu disokong oleh Ketua Perkhidmatan. Hanya Institusi latihan yang diiktiraf di negara-negara yang disenaraikan sahaja dibenarkan (**Lampiran C**);
  - iii. Pelatih yang mengikuti latihan di dua (2) negara masih terikat dengan terma dan syarat pembayaran elaun HLP. BPL tidak akan melayani sebarang tuntutan elaun HLP bagi tempoh latihan yang dijalankan di negara yang tiada dalam senarai yang dibenarkan seperti di **Lampiran C**;
  - iv. Tempoh latihan antara negara-negara yang dipilih hendaklah berterusan dan **tidak boleh putus**;
  - v. Bagi tujuan keberkesanan kursus di luar negara, pelatih dinasihatkan mendapat tawaran latihan secara *Clinical*

(*hands-on training*) dan bukannya secara pemerhatian (*observation*) sahaja semasa berada di luar negara;

- vi. Ketua Perkhidmatan perlu membuat pengesahan dan sokongan ke atas tawaran luar negara yang diterima oleh pelatih selaras dengan keperluan latihan dari aspek jenis latihan yang ditawarkan, tempat latihan dan tempoh masa;
- vii. Tempoh Cuti Belajar dikira dari tarikh mula latihan/kelas/kuliah hingga tarikh tamat latihan atau tarikh akhir penghantaran tesis (jika ada). Tempoh ini tidak meliputi tempoh pendaftaran, orientasi, program persediaan, kelas Bahasa, VIVA dan majlis konvokesyen.

### **8.3.3 Setelah Tamat Latihan di Luar Negara**

- a. Setelah tamat latihan atau tamat tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan HLP atau mana-mana yang terdahulu, pelatih dikehendaki untuk melapor diri ke BPL dengan segera. Pelatih perlu memaklumkan kepada BPL tiga puluh (30) hari sebelum tamat latihan di luar negara. Sekiranya pelatih didapati tidak melapor diri, tindakan penalti dan tatatertib akan dikenakan.
- b. Mengemukakan Surat/Sijil Pengesahan Tamat latihan daripada Institusi dalam tempoh lima (5) hari selepas tamat latihan.
- c. Bagi pelatih yang telah tamat latihan di luar negara dan masih belum tamat tempoh latihan Subkepakaran keseluruhan akan ditempatkan

semula ke tempat latihan di dalam negara berdasarkan Pelan Latihan.

- d. Bagi pelatih yang tamat latihan di luar negara dan tamat tempoh latihan Subkepakaran secara keseluruhan, surat pengesahan tamat latihan akan dikeluarkan oleh BPL dan ditempatkan semula mengikut surat arahan penempatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia jika pelatih ditempatkan di dalam JSL.

## **9.0 ELAUN DAN KEMUDAHAN HLP**

9.1 Pelatih yang diluluskan untuk mengikuti latihan dengan HLP adalah layak dibayar Elaun dan Kemudahan HLP mengikut kaedah latihan yang diikuti. Segala urusan pembayaran elaun dan tuntutan adalah di bawah tanggungjawab BPL, KKM.

9.2 Kemudahan yang diberikan adalah seperti berikut:-

i. **Separo Biasiswa**

Kemudahan ini diberikan kepada pelatih yang menjalani latihan subkepakaran di dalam negara dan sepanjang tempoh tersebut pegawai adalah dikira sedang berkhidmat. Elaun separa biasiswa seperti di **Lampiran A**.

ii. **Separasi Biasiswa dan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP**

Kemudahan ini diberikan kepada pegawai yang menjalani latihan Subkepakaran secara kombinasi (dalam dan luar negara) di mana semasa di dalam negara pelatih akan menerima elaun HLP separa biasiswa dan semasa di luar negara akan menerima CBBP Dengan HLP untuk tempoh Sembilan (9) bulan pertama manakala tiga (3) bulan seterusnya pelatih hanya akan diberikan CBBP Tanpa HLP seperti di **Lampiran B**.

## **10. TUNTUTAN DAN BAYARAN**

- 10.1 Merujuk Kepada Syarat-Syarat Dan Kadar-Kadar Pemberian Elaun Dan Kemudahan Separasi Biasiswa Latihan Dalam Negara seperti **Lampiran A**, dan **Lampiran 7**.
- 10.2 Merujuk Kepada Syarat-Syarat Dan Kadar-Kadar Pemberian Elaun Dan Kemudahan HLP Latihan Luar Negara seperti **Lampiran B** dan **Lampiran 8**.
- 10.3 Bayaran elaun dan HLP akan dibuat terus ke akaun gaji pelatih. Pelatih diingatkan agar mengemaskini nombor akaun bank gaji melalui sistem HRMIS. Ini adalah bertujuan bagi mengelakkan sebarang masalah semasa urusan pembayaran elaun/HLP dibuat.

## **11. URUSAN PEMBAYARAN CBBP DENGAN HLP**

11.1 BPL, KKM bertanggungjawab menguruskan pembayaran yuran pengajian dan elaun/kemudahan kepada pelatih. Pelatih **DIKEHENDAKI** membayar balik elaun/kemudahan jika berlaku situasi seperti berikut;

**11.1.1 Terlebih bayar elaun; atau**

**11.1.2. Pelatih menarik diri, menangguh, gagal atau ditamatkan pengajian/tajaan** lebih awal dari tempoh asal penajaan.

## **12. IKATAN PERJANJIAN**

12.1 Pelatih dikehendaki menandatangani surat perjanjian sebelum memulakan Latihan Program Subkepakaran. Sekiranya pelatih **tidak menyempurnakan** dan menandatangani perjanjian ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka tawaran ini akan **terbatal**;

12.2 Pelatih akan terikat dengan ikatan perjanjian selama tempoh yang dinyatakan di dalam surat perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selepas tamat pengajian/melapor diri di BPL, KKM atau membayar gantirugi sebanyak jumlah yang dinyatakan di dalam surat perjanjian sekiranya gagal berkhidmat dalam tempoh tersebut;

12.3 Jadual ikatan perjanjian Dengan HLP bagi pelatih tahun 2019 dan sebelumnya adalah seperti berikut:

<b>Kaedah Pengajian</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>Ikatan/Gantirugi</b>
Kombinasi Dalam dan Luar Negara <i>(Separa HLP + CBBP dengan HLP)</i>	2 tahun atau 3 tahun (dalam negara) + 1 tahun (luar negara)	6 tahun berkhidmat atau RM25,000 + kos sebenar
Sepenuhnya Dalam Negara <i>(Separa HLP)</i>	3 tahun atau 4 tahun	4 tahun berkhidmat atau RM30,000
Sepenuhnya Luar Negara <i>(Area Of Interest)</i>	1 tahun	3 tahun berkhidmat atau kos sebenar

12.4 Jadual ikatan perjanjian Tanpa HLP bagi pelatih 2019 dan sebelumnya adalah seperti berikut:

<b>Kaedah Pengajian</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>Ikatan/Gantirugi</b>
Kombinasi Dalam dan Luar Negara	2 tahun atau 3 tahun (dalam negara) + 1 tahun (luar negara)	3 tahun berkhidmat atau RM25,000
Sepenuhnya Dalam Negara	3 tahun atau 4 tahun	2 tahun berkhidmat atau RM20,000
Sepenuhnya Luar Negara <i>(Area Of Interest)</i>	1 tahun	2 tahun berkhidmat atau kos sebenar

\*\* Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Janka Panjang Secara Sepenuh Masa (JPA2009)

\*\* Kelulusan KSU, KKM510-4/4/5/4 Jld.3(3) bertarikh 20/8/2018

12.5 Jadual ikatan perjanjian Dengan HLP bagi pelatih mulai tahun 2020 adalah seperti berikut:

<b>Kaedah Pengajian</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>Ikatan/Gantirugi</b>
Kombinasi Dalam dan Luar Negara	Melebihi 48 bulan	6 tahun berkhidmat atau RM700,000.00
Kombinasi Dalam dan Luar Negara	Tempoh minimum latihan 36 bulan	6 tahun berkhidmat atau RM600,000.00
Sepenuhnya Dalam Negara	Tempoh minimum latihan 36 bulan	4 tahun berkhidmat atau RM500,000.00
Sepenuhnya Luar Negara	12 bulan	3 tahun berkhidmat atau RM250,000.00

12.6 Jadual ikatan perjanjian Tanpa HLP bagi pelatih mulai tahun 2020 adalah seperti berikut:

<b>Kaedah Pengajian</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>Ikatan/Gantirugi</b>
Kombinasi Dalam dan Luar Negara	2 atau 3 tahun dalam negara dan 1 tahun luar negara	3 tahun berkhidmat atau RM350,000.00
Sepenuhnya Dalam Negara	Tempoh minimum latihan 36 bulan	2 tahun berkhidmat atau RM250,000.00
Sepenuhnya Luar Negara	12 bulan	2 tahun berkhidmat atau RM125,000.00

### **13. PENALTI**

- 13.1 Tindakan penalti kepada pemegang biasiswa/HLP kerajaan berkuatkuasa kepada semua pelatih yang memulakan pengajian mulai **1 Januari 2012**, selaras dengan **Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian dengan Jayanya yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**;
- 13.2 Jenis-jenis tindakan penalti yang dikenakan kepada pemegang biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jaya, masalah disiplin, menarik diri, tidak mencapai markah lulus syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti dan tamat tempoh penajaan adalah seperti di **Lampiran D**;
- 13.3 Kutipan balik penalti akan dibuat melalui potongan gaji bulanan sebaik sahaja pelatih ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jayanya;
- 13.4 Pengecualian penalti akan dipertimbangkan kepada pelatih yang mempunyai masalah kesihatan iaitu penyakit kronik seperti di **Lampiran E**.
- 13.5 Pelatih yang memutuskan untuk meletakkan jawatan semasa dalam tempoh pengajian hendaklah mengemukakan notis pemberitahuan

mengikut peraturan yang ditetapkan dalam syarat-syarat perkhidmatan masing-masing kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang membayar gaji dan satu (1) Salinan dikemukakan kepada BPL, KKM;

- 13.6 Tindakan penalti ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat penalti yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **14. GAJI DAN EMOLUMEN**

- 14.1 Pelatih adalah layak menerima kemudahan gaji dan semua elaun seperti yang diterima sedia ada sepanjang mengikuti latihan Subkepakaran di dalam negara kecuali semasa menjalani latihan Subkepakaran di luar negara di mana Elaun Kritikal tidak dibayar. Pembayaran ini akan dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) pegawai masing-masing.
- 14.2 Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan terakhir pelatih untuk memastikan pembayaran gaji pelatih terus dibuat sehingga permohonan JSL diluluskan. Di dalam permohonan untuk menempatkan pelatih ke dalam JSL, BPL melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penempatan Pegawai di JSL akan menempatkan pelatih ke JSL berdasarkan kekosongan.
- 14.3 Setelah pelatih diluluskan untuk ditempatkan di JSL, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan segala Buku Rekod Perkhidmatan pelatih kepada BPL, KKM secepat mungkin.

## **15. PENERIMAAN GAJI, BAYARAN DAN LAIN-LAIN ELAUN**

- 15.1 Jika pelatih menerima apa-apa elaun, gaji atau lain-lain bayaran daripada mana-mana pihak selain Kerajaan Malaysia semasa mengikuti kursus atau dalam penempatan di institusi luar negara, jumlah yang diterima itu akan **ditolak daripada bayaran gaji/elaun yang dibayar** oleh Kerajaan kepada pelatih. Adalah menjadi tanggungjawab pelatih untuk memaklumkan mengenai bayaran/ elaun yang diterima kepada BPL, KKM supaya potongan boleh dibuat dengan sewajarnya;
- 15.2 Pasangan pelatih yang mengikuti kursus di Universiti/Institusi yang berlainan tetapi tinggal bersama, salah seorang daripadanya hanya layak diberi separa biasiswa (*partial scholarship*). Pelatih dikehendaki memberitahu BPL, KKM jika pasangan juga menerima biasiswa atau diberi Elaun Sara Hidup dari Bahagian ini atau sumber-sumber lain;
- 15.3 Sekiranya diketahui terdapat pelatih yang menerima bayaran/elaun yang dimaksudkan di atas tetapi tidak memaklumkan kepada BPL, KKM, **tindakan tatatertib** akan diambil dan HLP ini akan **ditarik balik**.
- 15.4 Pelatih adalah diwajibkan untuk mengemukakan maklumat perhubungan maklumat akaun bank luar negara kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM pada minggu pertama setelah sampai di negara pengajian.

## **16. KELAYAKAN CUTI**

- 16.1 Pelatih adalah layak menikmati semua kemudahan cuti berdasarkan Perintah Am Bab C semasa menjalani latihan di dalam negara;
- 16.2 Pelatih yang mengikuti pengajian di luar negara layak diberikan Cuti Berkursus selama tujuh (7) hari sebelum memulakan pengajian dan tujuh (7) hari selepas tamat pengajian bagi tujuan perjalanan ke tempat pengajian/pulang selepas mengikuti pengajian dan tempoh menunggu di luar negara atas sebab tidak dapat dielakkan selaras dengan Perintah Am Bab C Perkara 36 dengan syarat; boleh memohon cuti berkursus (Perintah Am Bab C 36) dengan syarat:-
- 16.2.1 Bagi tempoh perjalanan ke tempat belajar dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat;
- 16.2.2 Bagi tempoh menunggu di luar negeri yang tidak dapat dielakkan yang disebabkan oleh urusan-urusan perjalanan tempatan
- 16.3 Semasa dalam tempoh penangguhan latihan, kelayakan cuti pegawai adalah mengikut kemudahan cuti di bawah Perintah Am Bab C.

## **17. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

Pelatih adalah bertanggungjawab untuk:-

- 17.1 Memaklumkan dari masa ke semasa kepada BPL, sebarang pertukaran seperti alamat surat-menyurat, nombor telefon dan maklumat akaun bank;

- 17.2 Pelatih bertanggungjawab untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan bagi mencapai kompetensi yang dikehendaki dalam sub bidang tertentu;
- 17.3 Semasa mengikuti latihan, pelatih juga merupakan pegawai yang sedang berkhidmat dan masih perlu menjalankan kerja-kerja klinikal;
- 17.4 Pelatih perlu mengikuti pelan latihan yang telah ditetapkan mengikut Pelan Latihan yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan di mana pelatih akan diberi tanggungjawab professional secara berperingkat di bawah pengawasan seorang penyelia berdasarkan kepada tahap latihan, kebolehan dan pengalaman pelatih;
- 17.5 Pelatih perlu mempunyai kebolehan atau skil berikut;
- 17.5.1 Skil klinikal yang meliputi penyediaan dan penyimpanan rekod perubatan, kebolehan membuat keputusan dan kebolehan mentadbir;
- 17.5.2 Skil teknikal di mana penilaian dibuat dari segi kefahaman dan kebolehan menjalankan sesuatu prosedur. Kepakaran di dalam skil tersebut termasuk kefahaman tentang keperluan, larangan dan komplikasi daripada prosedur yang dijalankan dan kebolehan untuk membuat kesimpulan daripada keputusan yang diperolehi;
- 17.5.3 Sikap yang professional dan skil interpersonal yang penting dalam hubungan dengan pesakit dan rakan sekerja;

- 17.5.4 Pelatih akan terlibat dalam menyediakan **sekurang-kurangnya satu (1) projek kajian** yang disiarkan di jurnal dalam negara atau luar negara;
- 17.6 Pelatih perlu terlibat dalam mengajar dan mendidik pegawai perubatan yang baru dilantik dan kakitangan paramedik
- 17.7 Pelatih perlu mengisi buku log semasa menjalankan latihan yang meliputi:
- 17.7.1 Statistik pembedahan atau prosedur serta hasil/keputusan daripada pembedahan dan sebarang prosedur yang dijalankan; dan
- 17.7.2 Aktiviti pembelajaran merangkumi *research*, pembentangan kes, kehadiran di dalam kursus, seminar dan bengkel yang berkaitan.
- 17.8 Semasa penempatan pelatih di hospital lain bagi menjalani rotasi (*rotation*) kepakaran bagi tempoh tempoh kurang 12 bulan, pelatih adalah dianggap menjalani penempatan sementara dan masih mengekalkan jawatan di hospital semasa. Pelatih perlu memaklumkan kepada BPL mengenai perkara ini **sekurang-kurangnya dua (2) bulan** sebelum penempatan sementara dibuat dengan mengemukakan surat arahan penempatan (Pelan Latihan), khususnya bagi pegawai yang tidak ditempatkan di Jawatan Simpanan Latihan (JSL), KKM

17.9 Sekiranya pelatih gagal mengikut tempoh latihan dan memerlukan penangguhan atau perlanjutan atau menarik diri daripada program, pelatih perlu memohon kepada BPL dengan mengemukakan permohonan **selewat-lewatnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh penangguhan dengan mengemukakan perkara-perkara berikut:-

17.9.1 Borang permohonan penangguhan/pelanjutan yang lengkap

17.9.2 Mendapat pengesahan dan ulasan daripada Penyelia/Ketua Perkhidmatan/Ketua Bidang/TKPK

17.10 Melapor diri dengan serta-merta di BPL setelah tamat latihan atau ditamatkan, menarik diri atau meletak jawatan semasa di dalam latihan. Tindakan tatatertib dan pelanggaran syarat kontrak akan dikenakan kepada pelatih jika gagal melapor diri.

17.11 Bagi pelatih yang memutuskan untuk meletakkan jawatan semasa dalam tempoh latihan hendaklah mengemukakan notis pemberitahuan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam syarat-syarat perkhidmatan masing-masing kepada PTJ yang membayar gaji dan satu (1) Salinan dikemukakan kepada BPL.

## **18. PENILAIAN PRESTASI**

18.1 Semasa mengikuti latihan pelatih perlu mengisi borang Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan P.S.D Form bagi tujuan pemantauan dan prestasi pelatih semasa di dalam latihan dan perlu dihantar kepada BPL atau PTJ masing-masing;

## **19. HAK KERAJAAN**

19.1 Sekiranya pelatih ingkar atau tidak mematuhi mana-mana syarat dan ketetapan Latihan Program Subkepakaran ini, Kerajaan berhak menarik balik kelulusan mengikuti program ini dan mengenakan tindakan penalti selaras dengan kontrak perjanjian

19.2 Walau apapun peruntukan yang dinyatakan dalam syarat-syarat ini, Kerajaan berhak meminda syarat-syarat dan ketetapan Latihan Program Subkepakaran ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis dan pelatih adalah tertakluk kepada pindaan- pindaan tersebut. Kerajaan juga berhak menarik balik kelulusan mengikuti Latihan Program Subkepakaran ini tanpa memberikan sebarang notis.

## **20. SEKRETARIAT PROGRAM**

20.1 Bagi mendapatkan keterangan dan penjelasan lanjut, pegawai disarankan menghubungi Sekretariat Program di alamat dan talian berikut :-

**Urusetia Program Latihan Subkepakanan**

**Program Kepakaran 2**

**Bahagian Pengurusan Latihan**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Aras 6, Menara Prisma**

**No. 26, Pesiarian Perdana**

**Presint 3, 62675 PUTRAJAYA**

**Tel: 03-8885 0694 (hotline HLP)**

**✉ [subkepakanan@moh.gov.my](mailto:subkepakanan@moh.gov.my)**

**✉ [ehlp@moh.gov.my/ehlp1@moh.gov.my](mailto:ehlp@moh.gov.my/ehlp1@moh.gov.my)**

# **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

## LAMPIRAN A

### SYARAT – SYARAT DAN KADAR - KADAR PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN SEPARA BIASISWA LATIHAN DALAM NEGARA

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
1.	<b>Elaun Buku</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar secara ‘<i>outright grant</i>’ <b>setahun sekali</b>;</li> <li>• Dibayar secara ‘proportionate’ bagi pengajian yang kurang daripada 12 bulan;</li> <li>• Pelatih yang diluluskan perlanjutan tidak layak dibayar elaun buku.</li> </ul>	<b>RM825.00</b> setahun
2.	<b>Elaun Tesis</b> (jika berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar jika latihan mewajibkan pelatih menyediakan tesis;</li> <li>• Dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh latihan;</li> <li>• Disediakan secara individu;</li> <li>• Dibayar setelah pelatih mengemukakan permohonan tuntutan kepada BPL semasa atau selepas melapor diri dengan mengemukakan:- <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Borang permohonan elaun tesis;</li> <li>➤ 1 salinan ‘<i>soft copy</i>’/ CD tesis;</li> <li>➤ Pengesahan penyelia.</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM1500.00</b>

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
3.	<b>Yuran Pengajian</b> (jika berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran akan dibuat terus kepada institusi latihan oleh BPL selepas menerima tuntutan / invois yang meliputi yuran pengajian, bayaran peperiksaan atau bayaran lain yang berkaitan.</li> </ul>	Mengikut kadar yang ditentukan oleh institusi latihan berkaitan.
4.	<b>Elaun Sara Hidup</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelatih layak diberi Elaun Sara Hidup (ESH) berdasarkan pelan latihan yang telah ditetapkan.</li> <li>• Elaun Sara Hidup (ESH) RM25 sehari semasa latihan adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pelatih tidak menerima Arahan Pertukaran</li> </ul> </li> <li>• ESH RM15 sehari tertakluk kepada syarat seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pelatih yang menjalani latihan di kawasan Ibu Pejabat ; atau</li> <li>➢ Pelatih dari luar kawasan Ibu Pejabat yang menerima arahan pertukaran dan ;</li> </ul> </li> </ul>	<p><b>RM15.00 sehari</b> (dalam lingkungan 25 km daripada tempat bertugas)</p> <p><b>RM25.00 sehari</b> (melebihi lingkungan 25 km daripada tempat bertugas)</p> <p><b>(Pekeliling Perpendaharaan WP 1.10)</b></p>

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kursus itu diadakan di luar bangunan / kompleks tempat biasa pelatih bertugas.</li> <li>• Elaun ini boleh dituntut dengan menghantar borang tuntutan Elaun Sara Hidup yang disahkan oleh Ketua Jabatan ke BPL setiap bulan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan.</li> </ul> <p>Dokumen yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dibuat pembayaran.</p>	

### **PERINGATAN**

- Semua jenis bayaran Elaun akan dibuat terus ke akaun gaji pelatih.
- Sebarang tuntutan hendaklah sampai ke BPL selewat-lewatnya pada **10hb bulan** yang berikutnya selepas perbelanjaan dibuat. Sekiranya pelatih lewat mengemukakan tuntutan, bayaran balik **tidak dapat diproses/ditolak**. **Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan**.

➤ **Contoh :-**

Perbelanjaan yang dibuat pada Februari hendaklah tiba di BPL, **sebelum** 10 Mac. Sekiranya tuntutan dibuat selepas tarikh ini BPL tidak akan memproses tuntutan tersebut.

## LAMPIRAN B

### SYARAT – SYARAT DAN KADAR - KADAR PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN LATIHAN DI LUAR NEGARA

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
1.	<b>Elaun Sara Hidup</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dibayar setiap <b>tiga (3) bulan sekali</b> untuk tempoh 9 bulan pertama sahaja;</li></ul>	
2.	<b>Elaun Buku</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dibayar secara '<i>outright grant</i>' <b>setahun sekali</b>;</li><li>Dibayar secara 'proportionate' bagi pengajian yang kurang daripada 12 bulan;</li></ul>	Mengikut Kadar Kategori Bujang bagi Ijazah Lanjutan mengikut negara tempat Latihan <b>(Lampiran C)</b>
3.	<b>Elaun Alat Perkakas</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Pelatih yang diluluskan perlanjutan tidak layak dibayar elaun buku.</li></ul>	
4.	<b>Elaun Penempatan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dibayar sekali sahaja sepanjang pengajian sebelum pelatih memulakan pengajian;</li><li>Elaun ini dibayar untuk menampung perbelanjaan seperti berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>(i) Tambang dari rumah ke lapangan terbang dan tambang dari lapangan</li></ul></li></ul>	

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
		<p>terbang berkenaan ke rumah/tempat latihan;</p> <p>(ii) Cukai lapangan terbang;</p> <p>(iii) Perbelanjaan semasa dalam perjalanan sebelum memulakan latihan; atau sebelum mendapat rumah kediaman yang tetap dan lain-lain perbelanjaan runcit.</p>	
5.	<b>Elaun Akhir Pengajian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar sekali sahaja selepas tamat latihan</li> <li>• Elaun ini dibayar untuk menampung perbelanjaan seperti berikut:-</li> </ul> <p>(i) Tambang dari rumah ke lapangan terbang negara berkenaan dan tambang dari lapangan terbang dalam negara ke rumah pelatih;</p> <p>(ii) Cukai lapangan terbang;</p> <p>(iii) Perbelanjaan semasa dalam perjalanan selepas tamat latihan termasuk upah mengangkut barang-barang, <i>excess luggage</i> dan lain-lain perbelanjaan runcit.</p>	Mengikut Kadar Kategori Bujang bagi Ijazah Lanjutan mengikut negara tempat Latihan <b>(Lampiran C)</b>

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
6.	<b>Elaun Pakaian Panas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh latihan di tempat negara-negara beriklim sederhana/sejuk iaitu negara yang terletak di utara Garisan Sartan (<i>Tropic of Cancer</i>) dan negara yang terletak di Selatan Garisan Jadi (<i>Tropic of Capricorn</i>);</li> <li>• Hanya pelatih yang belum menerima elaun dalam masa tiga (3) tahun atau lebih sahaja yang layak membuat tuntutan;</li> <li>• Borang tuntutan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dan perlu direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan;</li> </ul>	<b>RM1,500.00</b> (Pekeliling Perbendaharaan WP 3.2)
7.	<b>Elaun Tesis</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar jika latihan mewajibkan pelatih menyediakan tesis;</li> <li>• Dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh latihan;</li> <li>• Disediakan secara individu;</li> <li>• Dibayar setelah pelatih mengemukakan permohonan tuntutan kepada BPL semasa atau selepas melapor diri dengan mengemukakan:-            ➤ Borang permohonan elaun tesis;</li> </ul>	<b>RM1500.00</b>

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ 1 salinan ‘soft copy’/CD tesis;</li> <li>➤ Pengesahan penyelia.</li> </ul>	
8.	<b>Yuran Pengajian</b> (jika berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran akan dibuat terus kepada institusi latihan oleh BPL selepas menerima tuntutan / invois yang meliputi yuran pengajian, bayaran peperiksaan atau bayaran lain yang berkaitan.</li> </ul>	Mengikut kadar yang ditentukan oleh institusi latihan berkaitan.
9.	<b>Tambang Perjalanan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan akan menyediakan tiket penerbangan sekali di awal dan sekali di akhir latihan mengikut perjalanan terdekat dan termurah;</li> <li>• <b><i>Kelayakan bagi pelatih adalah Kelas Ekonomi Biasa sahaja.</i></b></li> <li>• Tambang kapal terbang / tiket penerbangan ke luar negara akan disediakan oleh BPL. <b>Pelatih tidak dibenarkan untuk memilih laluan penerbangan atau memilih untuk transit di mana-mana negara.</b> BPL akan menentukan mengikut perjalanan yang terdekat dan kadar yang terendah.</li> </ul>	Mengikut kadar yang ditetapkan

BIL	ELAUN/KEMUDAHAN	SYARAT-SYARAT PEMBERIAN	KADAR
10.	<b>Kemudahan lain boleh yang dituntut</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelatih-pelatih layak menuntut:-           <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kos passport</li> <li>➤ Kos visa <b>(pelatih sahaja)</b></li> <li>➤ Pemeriksaan Kesihatan <b>(pelatih sahaja)</b></li> <li>➤ Insurans Kesihatan <b>(pelatih sahaja dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh negara tersebut)</b></li> <li>➤ Yuran pendaftaran yang diwajibkan oleh institusi latihan atau badan profesional di negara tempat pelatih menjalani latihan</li> </ul> </li> <li>• Tuntutan hendaklah dibuat dalam tahun semasa dengan mengemukakan borang tuntutan, resit bayaran dan bukti pembayaran dan butiran tuntutan.</li> </ul>	Mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jabatan/Agensi/ Institusi berkaitan

## **PERINGATAN**

- **Sebarang tuntutan hendaklah sampai ke BPL dalam tahun semasa perbelanjaan dibuat. Pelatih disarankan untuk mengemukakan tuntutan bagi perkara 10 sebaik sahaja urusan selesai dan sebelum berlepas ke luar negara (dalam tahun semasa) bagi mengelakkan pembayaran tidak dapat diproses / ditolak.**
- **Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

## LAMPIRAN C

### NEGARA-NEGARA YANG DIKTIRAF

BIL	NEGARA
1	Afrika Selatan
2	Amerika Syarikat
3	Australia
4	Austria
5	Bangladesh
6	Belgium
7	Brunei
8	Canada
9	China
10	Denmark
11	Filipina
12	Finland
13	German
14	Hong Kong
15	Indonesia
16	India
17	Itali
18	Iraq
19	Ireland
20	Jepun
21	Jordan
22	Korea Selatan
23	Libya
24	Mesir
25	Maghribi
26	Netherlands
27	New Zealand
28	Norway
29	Pakistan
30	Sepanyol
31	Perancis
32	Republik Of Czech
33	Republik Of Yeman
34	Rusia dan Ukraine
35	Singapura
36	Sweden
37	Switzerland
38	Sudan
39	Syria
40	Sri Lanka

41	Turki
42	Thailand
43	Taiwan
44	United Kingdom

# KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN MENGIKUT NEGARA

## AFRIKA SELATAN

BIL	JENIS ELAUN	PERINGKAT PENGAJIAN			KEKERAPAN
		PRA UNIVERSITI	IJJAH PERTAMA	IJJAH LANJUTAN	
1	<b>Elaun Sara Hidup</b>	23,772 BF	23,772 BF	26,146 BF	SEBULAN
2	<b>Elaun Penginapan</b>				
3	<b>Elaun Buku</b> * Sarjana dan Diploma Lanjutan * Doktor Falsafah	16,000 BF	16,000 BF	18,000 BF 20,000 BF	SETAHUN
4	<b>Elaun Alat Perkakas</b> * Perubatan * Lain - Lain	3,000 BF	3,000 BF	3,000 BF	
			4,000 BF		
			3,000 BF		
5	<b>Elaun Tesis</b> * Sarjana dan Diploma Lanjutan * Doktor Falsafah		23,600 BF		SEKALI
				58,400 BF	
				104,600 BF	
6	<b>Elaun Latihan Amali</b>	485 BF	485 BF	485 BF	SEHARI
7	<b>Elaun Penempatan</b> Penuntut dan pegawai bujang Pegawai, pasangan dan 1 anak Pegawai, pasangan dan 2 anak	35,658 BF 61,807 BF 66,562 BF	35,658 BF 61,807 BF 66,562 BF	39,224 BF 67,987 BF 73,217 BF	SEHARI
8	<b>Elaun Akhir Pengajian</b> Penuntut dan pegawai bujang Pegawai berkeluarga		14,263 BF 23,772 BF	15,689 BF 26,149 BF	SEKALI
9	<b>Elaun Bantuan Sewa Rumah ( Untuk pegawai yang membawa keluarga sahaja )</b> Pegawai dan pasangan Pegawai,pasangan dan 1-2 anak Pegawai,pasangan dan 3 anak atau lebih Pegawai dan seorang anak Pegawai dan 2 anak atau lebih		4,754 BF 7,132 BF 9,509 BF 4,754 BF 7,132 BF	5,230 BF 7,845 BF 10,460 BF 5,230 BF 7,845 BF	SEBULAN
10	<b>Elaun Bantuan Keluarga ( Untuk pegawai yang membawa keluarga sahaja )</b> Pegawai dan pasangan Pegawai,pasangan dan 1 anak Pegawai,pasangan dan 2 anak atau lebih Pegawai dan anak (tanpa had)		7,132 BF 7,132 BF 9,509 BF 7,132 BF	7,845 BF 7,845 BF 10,460 BF 7,845 BF	SEBULAN
11	<b>Elaun Pakaian Panas</b> Pegawai Pasangan Anak (maksima 3 orang sahaja)	RM 750	RM 750	RM 1500 RM 1000 RM 500	SEKALI
					SEKALI
					SEKALI

Nota : Kadar adalah di dalam EURO (E) melainkan yang dinyatakan secara spesifik.

## AMERIKA SYARIKAT

BIL	JENIS ELAUN	PERINGKAT PENGAJIAN			KEKERAPAN
		PRA UNIVERSITI	IJJAZAH PERTAMA	IJJAZAH LANJUTAN	
<b>1</b>	<b>Elaun Sara Hidup</b>				<b>SEBULAN</b>
	*Kadar A	374	415	477	
	*Kadar B	338	375	431	
	*Kadar C	302	335	358	
